

a 798530

Seminar Kebangsaan Undang-Undang Kanak-Kanak (Ke-2: 2-3 Oktober 2010: Kuala Lumpur)

1. Kesedaran kanak-kanak di Malaysia terhadap keselamatan diri, oleh Siti Hajar Abu Bakar Ah dan Noralina Omar.
2. Implementasi hak kanak-kanak (CRC) di Rumah Kanak-Kanak: dapatan kajian rintis, oleh Pathmanathan a/l R. Nalasamy dan Siti Hajar Abu Bakar.



Seminar-Konferenz und -Workshop
(4-5. 5. 2010; Russland)

KPG 4190

8kuk

Seminar Kebangsaan Undang-undang Kanak-kanak Ke-2, 2-3 Okt 2010

KESEDARAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA TERHADAP KESELAMATAN DIRI

Siti Hajar Abu Bakar Ah (shajar@um.edu.my)
Noralina Omar (noralina@um.edu.my)

Jabatan Pentadbiran & Keadilan Sosial
Fakulti Sastera & Sains Sosial
Universiti Malaya

Abstrak

Kanak-kanak merupakan kelompok yang signifikan dalam populasi Malaysia. Kepesatan pembangunan ekonomi dan sosial secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Kanak-kanak pula merupakan golongan yang berisiko tinggi menjadi sasaran jenayah. Mereka didera (secara fizikal, mental dan seksual), dianiaya, diculik, dibunuuh dan diperdagangkan. Penderaan dan serangan seksual serta sumbang mahram menjadi penyumbang terbesar keganasan terhadap kanak-kanak selepas pengabaian dan penderaan fizikal. Pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh organisasi kerajaan mahupun swasta bagi melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan. Perunding kanak-kanak, pekerja sosial yang bekerja dengan kanak-kanak, pegawai kebajikan kanak-kanak, para pendidik, pakar perubatan dan peguam percaya bahawa pemahaman kanak-kanak terhadap tubuh badan mereka dan pengetahuan tentang tingkah laku yang betul atau salah terhadap tubuh badan mereka memainkan peranan yang signifikan dalam mencegah mereka daripada teraniaya. Oleh sebab itu, "Program Saya Selamat" telah diperkenalkan kepada kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran keselamatan diri bagi membolehkan mereka melindungi diri sendiri daripada keganasan atau serangan seksual. Program selama 6 jam berhubung keselamatan diri tersebut diberikan kepada kanak-kanak berusia 9 tahun (darjah 3) di beberapa buah sekolah rendah terpilih di sekitar Kuala Lumpur. Dapatan daripada kumpulan eksperimen menunjukkan bahawa kanak-kanak yang telah mengikuti program tersebut mempunyai kesedaran yang lebih baik terhadap keselamatan diri mereka berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan yang positif ini menjadi petanda positif kepada usaha-usaha pelaburan-pencegahan (*investment-prevention*) yang lebih terancang bagi memastikan kesejahteraan hidup kanak-kanak Malaysia terjamin. Dalam kertas kerja ini, keputusan pemantauan dan penilaian "Program Saya Selamat" akan dibentangkan secara terperinci.

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang bangsa yang terdiri daripada etnik Melayu (54%), Cina (25%), India (7.5%) dan lain-lain etnik (1.7%). Sehingga tahun 2009, jumlah penduduk Malaysia ialah seramai 28,310,000 orang (Banci 2009). Jumlah Keluaran Negara Kasar untuk tahun 2008 ialah RM738.677 juta; dengan pendapatan per kapita sebanyak RM26,415. Dari segi komposisi kumpulan umur pula, lebih kurang 32.6 peratus adalah penduduk yang berumur di bawah 14 tahun, 62.6 peratus merupakan penduduk dalam lingkungan umur 15-64 tahun dan 4.7 peratus adalah mereka yang berumur 65 tahun ke atas dengan kadar pertumbuhan populasi sebanyak 1.78 peratus.

Perundangan Malaysia yang berkait dengan penjagaan, pelindungan dan pemulihian kanak-kanak iaitu Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) mendefinisikan bahawa kanak-kanak adalah individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Jabatan Perangkaan Malaysia pula menganggarkan bahawa jumlah kanak-kanak (berumur 1 hingga 18 tahun) pada 2005 ialah seramai 10,576 juta. Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak merupakan kelompok yang signifikan dalam populasi Malaysia.

Keganasan Dan Penganiayaan Terhadap Kanak-Kanak

Kepesatan pembangunan ekonomi dan sosial secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Kanak-kanak pula merupakan golongan yang berisiko tinggi menjadi sasaran jenayah. Mereka didera (secara fizikal, mental dan seksual), dianiaya, diculik, dibunuhi dan diperdagangkan. Di antara tahun 2002 dan 2006, maklumat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan kes keganasan (seperti pengabaian, pencerobohan, penderaan fizikal, penderaan emosi dan sumbang mahram) terhadap kanak-kanak semakin meningkat. Daripada 1242 kes pada tahun 2002 telah meningkat kepada 1390 pada 2003, 1656 kes pada 2004, 1800 kes pada 2005 dan 1999 kes pada 2006 (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2007). Penderaan dan serangan seksual serta sumbang mahram menjadi penyumbang terbesar keganasan terhadap kanak-kanak selepas kes pengabaian dan penderaan fizikal.

Statistik Polis Diraja Malaysia juga menunjukkan keganasan dan pengabaian terhadap kanak-kanak berlaku saban tahun. Jadual 1 jelas menunjukkan ribuan kanak-kanak didera dan dianiaya setiap tahun. Di antara tahun 2004 dan 2007, ribuan kes direkodkan berkait dengan penderaan terhadap kanak-kanak. Kes rogol mencatatkan bilangan yang paling tinggi berbanding dengan kes yang lain setiap tahun. Selain itu, kes sumbang mahram turut mencatatkan bilangan yang agak besar. Berdasarkan Jadual 1, kanak-kanak juga tidak terkecuali daripada menjadi mangsa liwat. Pendek kata, kanak-kanak amat berisiko kepada keganasan yang berbentuk seksual.

Kategori penderaan	Jadual 1: Penderaan terhadap kanak-kanak mengikut kategori			
	2004	2005	2006	2007
Pengabaian	132	177	139	179
Fizikal	16	12	2	9
Sumbang mahram	810	773	876	968
Rogol	1386	1507	1979	2525
Liwat	125	135	122	138
Jumlah	2469	2604	3118	3827

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Kanak-kanak dari semua peringkat umur terdedah kepada masalah keganasan. Ianya terbukti dalam Jadual 2. Walaupun kelompok kanak-kanak dalam lingkungan 7-12 tahun dan 12-16 tahun merupakan sasaran utama, keganasan terhadap kelompok umur kanak-kanak yang lain juga perlu diberi perhatian.

Jadual 2: Keganasan terhadap kanak-kanak mengikut kumpulan umur

Kumpulan umur	2004	2005	2006	2007
1 tahun ke bawah	2	6	27	50
1 - 7 tahun	120	726	776	837
7 - 12 tahun	1202	619	661	739
12 – 16 tahun	789	852	1199	1547
16 – 18 tahun	356	401	455	654
Jumlah	2469	2604	3118	3827

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Dengan kata lain, kanak-kanak merupakan golongan yang paling berisiko untuk dianasai. Apabila menjadi mangsa keganasan, kanak-kanak tersebut mengalami kesan yang tidak sihat atau menunjukkan perkembangan yang tidak sihat pada masa yang akan datang (Perkins & Luster 1998). Masalah yang dialami oleh seseorang di peringkat kanak-kanak boleh mempengaruhi kebolehsuaian tingkah lakunya ketika berada di peringkat remaja (Gerard & Buehler 1999).

Keganasan terhadap kanak-kanak merupakan masalah sejagat yang dialami oleh semua masyarakat. Malaysia juga tidak terkecuali daripada masalah sosial ini. Perangkaan dalam Jadual 3 menunjukkan terdapat peningkatan kes keganasan terhadap kanak-kanak antara tahun 2004 hingga 2007.

Jadual 3: Kes keganasan terhadap kanak-kanak mengikut negeri

Negeri	2004	2005	2006	2007
Perlis	26	32	41	38
Kedah	189	246	311	356
P/pinang	114	130	155	184
Perak	184	213	266	318
Selangor	402	429	525	676
K/lumpur	147	137	181	279
N/sempilan	147	131	155	181
Melaka	127	115	155	196
Johor	405	372	395	543
Pahang	161	150	174	240
Terengganu	79	135	158	146
Kelantan	147	131	192	216
Sabah	210	224	256	255
Sarawak	131	159	154	199
Jumlah	2469	2604	3118	3827

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Di Malaysia, kesedaran masyarakat terhadap penderaan seksual khususnya di kalangan kanak-kanak khususnya semakin meningkat. Walau bagaimanapun, kesedaran di kalangan kanak-kanak berhubung penderaan seksual masih lagi rendah. Buktinya, statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menunjukkan wujudnya kes penderaan seksual di kalangan kanak-kanak bawah 18 tahun saban tahun. Itu hanya statistik yang dilaporkan. Bagaimana pula kes-kes yang tidak dilaporkan? Adalah dipercayai bahawa banyak juga kes yang tidak dilaporkan oleh sebab pemangsa adalah dari kalangan ahli keluarga yang mana mereka bimbang mengenai stigma yang diberikan oleh masyarakat.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia seperti yang digambarkan dalam Jadual 1 dan 2, golongan pertengahan kanak-kanak (7-12 tahun) merupakan sasaran utama kepada semua bentuk keganasan manakala kes rogol dan sumbang mahram pula antara masalah yang paling dominan. Oleh yang demikian, langkah pencegahan perlu dilakukan dengan penuh terancang bagi mengurangkan masalah keganasan terhadap kanak-kanak. Memandangkan kesan penganiayaan kanak-kanak yang begitu mendalam dan meluas, maka mendidik kanak-kanak untuk menjaga keselamatan diri adalah langkah yang sangat wajar bagi mengurangkan risiko penganiayaan khususnya penganiayaan seksual. Oleh sebab itu, sebuah program yang boleh menerapkan aspek keselamatan diri telah diuruskan oleh sebuah badan bukan kerajaan iaitu P.S. The Children dan dikendalikan oleh Dignity and Services dengan kerjasama Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya. Program tersebut telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Program Saya Selamat

Program keselamatan diri sangat penting untuk diperkenalkan kepada kanak-kanak bagi meningkatkan kesedaran mereka terhadap keselamatan diri. Dengan menjaga keselamatan diri, kanak-kanak dapat melindungi diri mereka daripada dianaya dan disalahguna termasuk dapat menghindarkan diri daripada keganasan seksual.

Kurikulum keselamatan diri yang dinamakan "Program Saya Selamat" telah dan sedang dilaksanakan oleh P.S. The Children dengan menggunakan komponen pencegahan yang diubahsuai daripada model yang sedia ada di Filipina. Kurikulum tersebut adalah berdasarkan model yang telah dimajukan di Amerika dan New Zealand. Kurikulum tersebut menerapkan elemen pengetahuan dan kemahiran yang disesuaikan dengan tahap perkembangan minda pelajar sekolah rendah di negara ini. Kurikulum tersebut telah dikembangkan secara beransur-ansur selama beberapa tahun dan telah diperhalusi berdasarkan pengalaman pelaksanaan di beberapa buah latar sosial di Malaysia. Kurikulum tersebut bersifat interaktif antara fasilitator program dengan kanak-kanak yang terlibat. Memandangkan matlamat akhirnya adalah untuk mengubah tingkah laku, maka kandungan program tersebut bukan setakat memberi pengetahuan, malah lebih daripada itu.

Kurikulum keselamatan diri yang dibangunkan itu mempunyai empat objektif. Pertama, untuk meningkatkan pemahaman di kalangan kanak-kanak bahawa tubuh badan mereka hanya kepunyaan mereka sahaja dan orang lain tiada hak untuk menyentuhnya dengan cara yang kanak-kanak tidak suka atau tidak faham. Kedua, untuk membantu kanak-kanak mengenal pasti sistem sokongan dan membuat pilihan

tentang siapa yang mereka patut beritahu dalam situasi-situasi cemas dan merbahaya. Ketiga, untuk membolehkan kanak-kanak mengenal pasti keadaan-keadaan berisiko atau situasi-situasi yang tidak selamat. Keempat, untuk memperkasakan kanak-kanak dengan kemahiran ketegasan.

Berdasarkan objektif-objektif yang telah dirangka, sebuah program intervensi dibentuk oleh pakar yang mempunyai pengalaman yang luas bekerja dengan kanak-kanak. Tempoh program tersebut ialah 6 jam. Oleh kerana ianya melibatkan pihak sekolah dan para pelajar yang mempunyai komitmen lain, proses intervensi memerlukan lebih kurang 6 minggu (1 minggu :1 sesi ~ 1 jam) untuk diselesaikan. Antara perkara-perkara yang diajar dalam program tersebut ialah langkah menjaga keselamatan diri, menjelaskan siapa yang boleh dipercayai dan kepada siapa perlu diberitahu jika berlaku sesuatu, menerangkan apa yang perlu dibuat jika orang yang tidak dikenali menyapa dan memberikan panduan tentang apa yang perlu dilakukan apabila ada individu ingin membuat sesuatu pada tubuh badan. Program intervensi tersebut diberikan kepada pelajar dalam kumpulan eksperimen sahaja. Ia dikendalikan oleh sukarelawan terlatih yang terdiri daripada para pelajar tahun 3 Program Ijazah Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya dan para pelajar Program Psikologi daripada HELP University College dengan diketuai pakar-pakar daripada P.S. The Children and Dignity and Services.

Metodologi

Kajian ini dilakukan bagi menilai keberkesanan Program Saya Selamat. Reka bentuk eksperimental digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan dan kesedaran responden terhadap keselamatan diri sebelum dan selepas program. Eksperimen ini adalah berdasarkan hipotesis bahawa kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan yang baik dan tahap kesedaran diri yang tinggi lebih tahu melindungi diri sendiri berbanding dengan kanak-kanak yang kurang berpengetahuan dan kurang tahap kesedaran diri. Dalam kajian eksperimen ini, intervensi yang dilakukan ialutu "Program Saya Selamat" bertindak sebagai pemboleh ubah bebas. Sementara itu, pengetahuan dan pemahaman terhadap tubuh badan dan hak mereka terhadap tubuh badan mereka berperanan sebagai pemboleh ubah bersandar.

Lapan sekolah rendah di sekitar Kuala Lumpur telah dipilih secara rawak. Lima daripadanya merupakan kumpulan eksperimen dan tiga daripadanya merupakan kumpulan kawalan. Kumpulan kawalan dibentuk bagi mewujudkan suatu piawaian dalam melakukan perbandingan terhadap proses intervensi yang diberikan ke atas kumpulan eksperimen. Kesemua sekolah tersebut mempunyai ciri yang hampir serupa iaitu kesemuanya adalah sekolah aliran kebangsaan yang mana bahasa pengantarnya adalah Bahasa Melayu, pelajar-pelajarnya terdiri daripada berbilang bangsa, kurikulum adalah mengikut dasar kerajaan dan sebahagian besar pelajarnya adalah terdiri daripada keluarga kelas rendah dan pertengahan.

Program tersebut hanya diberikan kepada pelajar darjah 3 dalam kumpulan eksperimen. Borang soal selidik bagi mengukur pengetahuan dan pemahaman terhadap keselamatan diri yang sama perlu diisi oleh semua responden dalam penjagaan keselamatan diri yang sama sebelum dan selepas kumpulan eksperimen dan kawalan sebanyak 2 kali. Kali pertama ialah sebelum program berlangsung dan kali kedua ialah selepas kumpulan eksperimen selesai mengikuti program tersebut.

Dapatan Kajian

Seramai 445 orang responden terlibat dalam praujian manakala 454 orang responden terlibat dalam pascaujian. Kesemua responden berusia 9 tahun. Peratusan responden yang berada dalam kumpulan eksperimen dan kawalan bagi kedua-dua praujian dan pascaujian adalah hampir sama. Walaupun peratusan responden lelaki dan perempuan tidak jauh berbeza, majoriti responden terdiri daripada pelajar lelaki. Etnik Melayu merupakan kumpulan yang teramai bagi kedua-dua praujian dan pascaujian diikuti dengan etnik India, Cina dan lain-lain.

Jadual 4: Maklumat demografi responden

Maklumat demografi	praujian (n=445)		pascaujian (n=454)	
	n	%	n	%
Jantina				
Lelaki	223	50.1	231	50.8
Perempuan	222	49.9	224	49.2
Etnik				
Melayu	330	74.2	328	72.2
Cina	35	7.9	38	8.4
India	55	12.4	56	12.3
Lain-lain	25	5.6	32	7.0
Kumpulan				
Eksperimen	357	80.2	366	80.6
Kawalan	88	19.8	88	19.4

Kajian telah membandingkan keputusan praujian dan pascaujian ke atas kumpulan eksperimen dan kawalan. Secara keseluruhan, wujud beberapa perbezaan yang signifikan di antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan (Jadual 5). Dengan kata lain, terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengetahuan dan pemahaman di antara responden yang mengikuti program intervensi dan responden yang tidak mengikuti program tersebut. Dapatan tersebut telah menjelaskan bahawa "Program Saya Selamat" berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan pemahaman di kalangan pesertanya.

Jadual 5: Perbezaan jawapan kumpulan kawalan dan eksperimen dalam pascaujian

Item	kumpulan	n	beza min	Nilai t
Tindakan dlm keadaan tidak selamat			0.28	1.99*
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Kawan menyentuh dengan cara tidak disukai			-0.14	-1.94*
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Dewasa tidak dikenali sentuh dengan cara tidak disukai			-0.21	-2.97**
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Dewasa dikenali sentuh dengan cara tidak disukai			-0.37	-4.63**
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Kawan membuli			-0.10	-1.78
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Kenal pasti bahagian sulit:				
Buah dada			0.18	5.41***
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Faraj			0.10	3.79**
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Zakar			0.14	5.08**
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Punggung			0.05	2.52**
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		
Mulut			0.82	31.78***
	Kawalan	183		
	Eksperimen	258		

Selain itu, bagi kumpulan eksperimen, wujud beberapa perbezaan di antara jawapan yang diberi ketika praujian dan pascaujian. Bahagian berikut ini akan memperincikan dapatan praujian dan pascaujian bagi kumpulan eksperimen. Pengetahuan dan kemahiran tentang menjaga keselamatan diri di kalangan responden dalam kumpulan eksperimen telah bertambah setelah melalui program intervensi. Misalnya, peratusan yang menjawab 'katakan tidak dan beritahu' jika ada individu yang tidak dikenali mendekati mereka meningkat daripada 8.1 peratus pada praujian kepada 27.5 peratus pada pascaujian (Jadual 6).

Jadual 6: Tindakan responden dalam keadaan yang tidak selamat

Jika seorang dewasa yang tidak dikenali menarik tangan anda untuk masuk ke keretanya dan memberitahu ibu anda menyuruhnya menjemput anda pulang ke rumah, apa yang anda lakukan?	Praujian % (N=261)	Pascaujian % (N=258)
Katakan tidak	38.4	45.3
Beritahu	17.8	4.3
Katakan tidak dan beritahu	8.1	27.5
Pukul	12.0	9.3
Tidak menjawab	6.2	2.7

Selain itu, peratusan yang menjawab bahawa mereka akan 'katakan tidak' jika berada dalam keadaan tidak selamat atau berisiko juga meningkat selepas melalui program intervensi. Peningkatan pengetahuan di kalangan peserta program juga diperlihatkan apabila peratus responden yang tidak menjawab menurun selepas program intervensi.

Keputusan kajian juga menunjukkan responden semakin faham bahawa tubuh badan mereka adalah kepunyaan mereka sahaja dan orang lain tiada hak untuk menyentuhnya dengan cara yang tidak disukai. Perkara tersebut ditunjukkan melalui peningkatan jumlah peratusan yang menjawab 'tidak' pada pascaujian bagi situasi yang berisiko atau tidak selamat seperti dalam Jadual 7. Misalnya, responden yang menjawab 'tidak' apabila kawan menyentuh dengan cara yang tidak disukai meningkat daripada 64.8 peratus kepada 69.8 peratus selepas mereka mengikuti program intervensi.

Jadual 7: Jawapan responden dalam keadaan yang berisiko

Apa yang anda akan katakan kepada situasi berikut:	Jawapan	Praujian % (N=261)	Pascaujian % (N=258)
Kawan menyentuh dengan cara yang tidak disukai	Tidak Ya Tidak Tahu	64.8 21.1 14.2	69.8 20.9 9.3
Dewasa yang tidak dikenali menyentuh dengan cara yang tidak disukai	Tidak Ya Tidak Tahu	63.2 25.7 10.3	68.6 23.6 7.8
Dewasa yang dikenali menyentuh dengan cara yang tidak disukai	Tidak Ya Tidak Tahu	53.7 26.7 18.8	66.3 20.9 11.6

Peningkatan pemahaman tentang situasi berisiko, kepunyaan dan hak di kalangan responden turut diperlihatkan pada jawapan 'ya' dan 'tidak tahu' bagi soalan-soalan berikut yang menurun peratusnya pada pascaujian berbanding praujian. Misalnya, responden yang menjawab 'ya' jika dewasa yang dikenali menyentuh dengan cara yang tidak disukai telah menurun daripada 26.7 peratus kepada 20.9 peratus selepas program intervensi.

Selepas mengikuti Program Saya Selamat, responden dalam kumpulan eksperimen juga lebih mahir dalam mengenal pasti sistem sokongan dan membuat pilihan tentang siapa yang mereka patut beritahu sekiranya sesuatu berlaku kepada diri mereka. Perkembangan positif tersebut diperlihatkan pada jawapan 'akan beritahu' dan 'tidak tahu' bagi dua situasi berikut (Jadual 8). Peratusan bagi jawapan 'akan beritahu' kepada tingkah laku membuli dan menyentuh dengan cara yang tidak disenangi meningkat daripada 73.6 peratus ketika praujian kepada 79.5 peratus ketika pascaujian. Sementara itu, peratusan jawapan 'tidak tahu' menurun daripada 10.0 peratus ketika praujian kepada 3.9 peratus ketika pascaujian.

Jadual 8: Tindakan memberitahu orang lain jika berada dalam keadaan tidak selamat

Adakah anda akan beritahu seseorang ika:	Pilihan jawapan	Praujian % (N=261)	Pascaujian % (N=258)
Rakan sekolah selalu membuli anda	Akan beritahu Tidak akan beritahu Tidak tahu	73.6 15.7 10.0	79.5 16.7 3.9
Orang yang anda kenali menyentuh dengan cara yang anda tidak suka	Akan beritahu Tidak akan beritahu Tidak tahu	63.6 22.6 13.0	77.9 14.3 7.8

Responden yang telah mengikuti program tersebut juga menunjukkan bahawa mereka semakin boleh mengenal pasti bahagian-bahagian sulit pada tubuh mereka (Jadual 9). Maklumat tersebut sangat penting untuk kanak-kanak ketahui bagi memudahkannya melaporkan kepada individu yang dipercayai sekiranya wujud sentuhan yang tidak sepatutnya ke atas bahagian-bahagian tersebut.

Jadual 9: Mengenal pasti bahagian sulit badan

Bahagian sulit badan	Jawapan	Praujian % (N=261)	Pascaujian % (N=258)
Buah dada	Ya Tidak	66.1 33.7	98.1 1.9
Faraj	Ya Tidak	74.3 25.7	98.4 1.6
Zakar	Ya Tidak	79.3 20.7	98.4 1.6
Punggung	Ya Tidak	86.2 13.8	98.4 1.6
Mulut	Ya Tidak	4.2 95.8	86.0 14.0

Perbincangan

Pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh organisasi kerajaan mahupun swasta bagi melindungi kanak-kanak daripada sebarang bentuk keganasan. Majlis Kebajikan kanak-kanak Malaysia misalnya merupakan sebuah badan yang menggalakkan kesejahteraan kanak-kanak dan sentiasa bekerjasama dengan badan-badan lain dalam

memperjuangkan hak kanak-kanak. Akta Kanak-kanak 2001 dan Bab XVI Kanun Keseksaan turut diwujudkan bagi melindungi kanak-kanak.

Pendekatan dalam bentuk pencegahan dan pemulihian bagi memerangi keganasan terhadap kanak-kanak dan melindungi kanak-kanak sentiasa dilakukan. Namun begitu, kertas ini akan memfokus kepada pendekatan yang berbentuk pencegahan. Program menjaga keselamatan diri merupakan salah satu program yang berbentuk pencegahan. Perunding kanak-kanak, pekerja sosial yang bekerja dengan kanak-kanak, pegawai kebajikan kanak-kanak, para pendidik, pakar perubatan dan peguam percaya bahawa pemahaman kanak-kanak terhadap tubuh badan mereka dan pengetahuan tentang tingkah laku yang betul atau salah terhadap tubuh badan mereka memainkan peranan yang signifikan dalam mencegah mereka daripada teraniaya.

Sekiranya kanak-kanak teraniaya, terdapat pelbagai implikasi negatif yang terpaksa ditanggung oleh diri mangsa sendiri, keluarga dan masyarakat. Zaman kanak-kanak merupakan peringkat penting dalam kitaran kehidupan individu. Maka, peristiwa yang berlaku pada zaman tersebut berupaya menentukan tahap dan bentuk perkembangan mereka ketika melalui peringkat hidup yang seterusnya (Papalia, Olds & Feldman 2003). Malah, dari perspektif perkembangan, individu yang menghadapi masalah pada satu-satu tahap perkembangan berisiko mengalami kesukaran melakukan tugas perkembangannya pada tahap yang berikutnya (Liebert, Poulos & Gloria 1977). Oleh yang demikian, kanak-kanak yang pernah mengalami peristiwa pahit seperti yang diperkatakan di awal perbincangan berisiko untuk menjadi remaja dan dewasa yang bermasalah.

Kanak-kanak yang membesar dalam suasana yang kondusif, aman dan penuh kasih sayang lebih sihat berbanding kanak-kanak yang membesar dalam suasana yang sebaliknya. Kanak-kanak yang pernah mengalami peristiwa yang pahit dalam hidupnya berisiko mengalami kecelaruan psikologikal dan masalah tingkah laku. Kanak-kanak mangsa yang pernah teraniaya misalnya mempunyai sifat tidak percaya, kurang keyakinan diri, penghargaan kendiri yang rendah dan kurang kemahiran sosial (Leehan, & Wilson 1985). Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kanak-kanak yang teraniaya mengalami kesan yang berkekalan dan terpaksa menanggung penderitaan sehingga menjadikan perkembangan kognitif, emosi dan sosial. Kesan penganiayaan terhadap kanak-kanak tidak terhenti setakat itu. Ia boleh mengganggu keseimbangan sosial dalam masyarakat. Ini kerana kanak-kanak yang teraniaya akan terus hidup laku negatif yang terbentuk akibat penganiayaan tersebut. Perkara-perkara tersebut boleh menjadikan hubungan kelompok tersebut dengan individu yang berada di persekitaran mereka. Hasilnya, akan tercetus sikap tidak puas hati, perasaan prasangka, konflik dan pemunggiran sosial yang boleh menjadikan ketenteraman masyarakat.

Kesimpulan

Pesanan kunci yang ingin diterapkan dalam kurikulum tersebut ialah 'katakan tidak, lari dan beritahu'. Dengan menyemai kata kunci tersebut, kelompok sasaran dijangka mampu bertindak untuk menyelamatkan diri apabila berada dalam keadaan yang tidak selamat atau berbahaya. Tindakan tersebut berupaya mengurangkan risiko kanak-kanak didera atau dianiaya oleh individu atau pihak yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, peserta program didedahkan dengan perkara-perkara yang dikelaskan sebagai 'rahsia'. Mereka diajar tentang 'rahsia' yang tidak perlu dikongsi dengan orang lain (seperti kejutan untuk sambutan harijadi ibu) dan 'rahsia' yang perlu dimaklumkan kepada orang lain (seperti bahagian sulit disentuh oleh individu lain dengan cara yang tidak disukai). Oleh yang demikian, tindakan memberitahu atau memaklumkan suatu perkara atau situasi yang tidak selesa kepada individu yang boleh dipercayai juga perlu demi menjaga keselamatan diri. Oleh yang demikian, peserta dalam program intervensi tersebut juga diajar dengan kemahiran yang berkaitan.

Sentuhan juga merupakan elemen penting yang diterapkan dalam program tersebut. Peserta didedahkan dengan sentuhan yang 'OK' dan sentuhan yang 'Tidak OK'. Dengan mengetahui batas-batas sentuhan, kelompok sasaran mampu menyelamatkan diri daripada situasi yang tidak selamat atau berbahaya.

Berkait dengan sentuhan, peserta program turut didedahkan dengan pengetahuan berkaitan lima bahagian sulit badan. Selain mengenal pasti kelima-lima bahagian tersebut, peserta juga diberitahu mengenai hak melindungi bahagian sulit tersebut daripada dimanipulasi oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Secara keseluruhan, kumpulan eksperimen telah menunjukkan peningkatan dari segi pengetahuan dan pemahaman terhadap keselamatan diri berbanding dengan kumpulan kawalan. Peningkatan dari segi pengetahuan dan pemahaman tersebut adalah disebabkan pendedahan kumpulan eksperimen terhadap "Program Saya Selamat". Ini menunjukkan bahawa program tersebut berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kesedaran kanak-kanak terhadap keselamatan diri. Maka, objektif 'Program Saya Selamat' telah dicapai yang mana peserta program iaitu responden dalam kumpulan eksperimen mendapat manfaat daripadanya.

Bibliografi

- Leehan, J & Wilson, L. 1985. *Grown-up abused children*. Charles, C: Springfield, IL.
- Liebert, RM, Poulos, RN & Gloria, SM. 1977. *Developmental psychology*. Prentice Hall: New Jersey.
- Gerard, JM & Buehler, C. 1999. Multiple risk factors in the family environment and youth problem behaviors. *Journal of Marriage and the Family*, 61(2): 343-365.
- Papalia, DE, Olds, SW & Feldman, R. 2003. *Human development*, Ed. Ke-9, McGraw Hill: Boston.
- Perkin, DF & Luster, T. 1998. An ecological, risk-factor examination of adolescents' sexual activity in three ethnic groups. *Journal of Marriage and the Family*, 60(3): 660-382.